

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 AUGUST 2016

# Malaysia bumi merdeka

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**  
dan **SYUKRI SHAARI**

pengarang@utusan.com.my

## ■ KUALA LUMPUR 30 OGOS

**M**ALAYSIA akan kekal sebagai bumi yang merdeka, berdaulat, damai serta disanjung oleh seantero dunia sebagai bintang timur berkerlipan cahayanya, seandainya detik-detik kebersatuan ditambah dan disemarakkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, banyak kisah detik-detik kebersatuan merentasi sempadan kaum, agama serta warna kulit yang perlu sentiasa disemarakkan dan kerajaan tidak akan sesekali membiarkan tanah air ini ditebuk, dirobek atau dibocorkan.

“Oleh sebab itulah, dalam pada kita bersusah payah memupuk solidariti dan perpaduan, kita tidak mahu terjadinya babak-



UM - 31/8/2016

**Pokoknya, sanggupkah kita membiarkan tanah air ini hancur berkecai, punah dalam sekelip mata dek angkara segelintir pengkhianat.”**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

babak atau episod perpecahan, yang akan memusnah serta meranapkan segala yang telah terbina.

“Pokoknya, sanggupkah kita membiarkan tanah air ini hancur berkecai, punah dalam sekelip mata dek angkara segelintir pengkhianat.

“Kata orang dulu-dulu, biar putih tulang, jangan putih mata. Para pendurjana dan petualang bangsa serta negara ini, mesti

kita tentang habis-habisan,” katanya ketika berucap menyampaikan Amanat Merdeka di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Yang turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Menyentuh lebih lanjut mengenai episod perpecahan, Najib berkata, Malaysia ketika ini bukan sahaja berdepan musuh luar, sebaliknya penjajahan bentuk baharu yang telah meresap dan meracuni minda rakyat sehingga lahirnya ‘tangan-tangan kotor’ dalam negara sendiri.

Kepada pihak terbabit, Perdana Menteri mengingatkan makna kemerdekaan iaitu patuh kepada undang-undang, berdiri di atas kaki sendiri dengan acuan serta kemahuan sendiri, bebas campur tangan asing serta anjakan transformasi dari kemunduran kepada

kemajuan dan keunggulan.

“Bukanlah seperti apa yang cuba diperbuat oleh segelintir pihak yang hendak menjatuhkan kerajaan secara tidak demokratik, membuat referendum-referendum, deklarasi atau menghasut dan meracuni fikiran rakyat untuk berdemonstrasi di jalanan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Najib menyeru seluruh rakyat Malaysia agar berbangga dengan pengisian kemerdekaan menerusi siri kejayaan dan kemajuan hasil pentadbiran kerajaan, di mana perkara tersebut merupakan sesuatu yang tidak terbayang di fikiran kira-kira 59 tahun lalu.

Katanya, walaupun Malaysia hanya sebuah negara kecil tetapi kegemilangan yang dicapai oleh negara khususnya dalam bidang ekonomi bukan sahaja diiktiraf malah diakui badan-badan penarafan berwibawa di peringkat antara-bangsa.